

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS JAMUAN AMAL "BUDI DAN BAKTI"
Lokasi : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR
Tarikh : 02-07-1988

Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia merangkap Penaung BAKTI; Yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri; Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen; Dif-dif Kehormat; Para Dermawan yang budiman; Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati.

Saya amat terharu atas sambutan terhadap Majlis Jamuan Amal BAKTI malam ini. Oleh itu, saya bersyukur ke hadrat Illahi atas kurniaanNya kerana kita dapat hadir bersama untuk tujuan yang murni ini.

2. Saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dan mengucapkan berbanyak terima kasih kerana sudi meluangkan masa, khasnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang turut hadir sebagai penaung dan penyokong utama BAKTI. Begitu juga saya menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen yang membuktikan sokongan kuat kepada isteri mereka untuk berbuat bakti.

3. BAKTI berusia 11 tahun kini dan syukur alhamdulillah masih berpegang teguh kepada tujuan utama untuk berbuat bakti kepada masyarakat. Oleh kerana tidak mahu membebankan Kerajaan dengan meminta apa-apa juga peruntukan, BAKTI berusaha dengan sendiri mengutip derma dengan pelbagai cara.

4. Dari bulan Jun 1986 hingga bulan Jun 1988 ini, BAKTI telah dapat mengumpulkan derma sebanyak \$1,123,687.35, hasil daripada kutipan amal Walkathon 1986 dan sumbangan ikhlas tanpa rayuan daripada orang ramai dan syarikat-syarikat.

5. Dalam masa 2 tahun itu juga, \$968,212.81 telah dikeluarkan oleh BAKTI sebagai sumbangan derma kepada golongan yang memerlukan baik tua mahupun yang muda, cacat, juga yang biasa, mangsa-mangsa bencana alam dan kebakaran, tidak ketinggalan juga pasukan tentera dan polis melalui Persatuan-Persatuan mereka. Murid-murid sekolah rendah, menengah dan tingkatan enam yang tertentu di seluruh negara telah diberi dermasiswa selama 2 tahun. BAKTI juga membantu membeli peralatan-peralatan yang diperlukan untuk Institusi-Institusi Pendidikan dan Perawatan.

6. Dengan beberapa lagi rayuan menunggu keputusan dan dengan adanya \$155,474.54 sahaja baki dari 2 tahun lepas, BAKTI pada tahun ini terpaksa menadah dua tapak tangan meminta derma sekali lagi daripada masyarakat yang insaf dan budiman.

7. Malam Amal ini yang bertemakan 'Budi dan Bakti' mempunyai dua tujuan. Yang ulung sekali ialah untuk mengenang budi baik para penderma, yang tanpa bantuan daripada mereka, BAKTI tidak dapat menjayakan objektifnya untuk berkhidmat bakti kepada masyarakat yang memerlukan bantuan. BAKTI menghargai keyakinan yang diberikan oleh orang ramai untuk menyalurkan derma-derma kepada golongan-golongan yang memerlukan. Oleh kerana ini adalah suatu amanah para dermawan kepada BAKTI, maka Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil Kebajikan dan Tabung Dermasiswa begitu teliti dalam memilih calon-calon yang layak menerima sumbangan ini supaya ianya benar-benar disampaikan kepada yang memerlukannya.

8. Tujuan kedua malam ini ialah untuk merayu semula kepada masyarakat supaya berasa insaf dan sudi menghulurkan sedaya upaya derma untuk berbakti. Lihat sahajalah dalam akhbar dan televisyen keadaan yang merunsingkan masyarakat. Sambil tidak mahu menghalang seseorang individu itu berdikari tanpa bantuan daripada orang lain, ada juga golongan-golongan yang terlalu memerlukan sedikit kemudahan untuk bergerak cepat atau menggantikan semula atap rumbia yang sudah usang, atau membeli ubat untuk rawatan atau memerlukan sedikit wang ringgit bagi pembayaran yuran peperiksaan mereka. Kerana golongan-golongan yang memerlukan inilah, dan banyak lagi yang memohon, maka BAKTI meminta pertolongan pula daripada pihak-pihak yang berkemampuan.

9. Saya bagi pihak BAKTI, dengan rendah hati mengucapkan penghargaan di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada malam ini. Sambutan terhadap surat-surat rayuan dan penjualan meja adalah di luar daripada jangkaan. Beberapa kumpulan, baik Kerajaan mahupun pihak swasta telah membantu. Senarai nama-nama atau syarikat-syarikat terlalu banyak untuk saya sebutkan di sini, walau bagaimanapun ianya telah disenaraikan dalam Buku Cenderamata. Hanya penaja dan penderma yang istimewa tidak disenaraikan di dalam buku tersebut. Oleh itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada para penaja dan penderma yang budiman yang telah disenaraikan di bawah 'Sekalung Budi' dalam Buku Cenderamata. Di sini saya ingin sebutkan nama-nama para penderma istimewa yang tidak disenaraikan di dalam Buku Cenderamata: a. Mayang Sari Sdn. Bhd. - \$100,000.00 b. Genting Bhd.(Penaja Jamuan) - \$50,000.00 c. YBhg. Tan Sri Azman Hashim - rakan terbaik sekali kepada BAKTI - \$25,000.00 d. K & I Industries - \$25,000.00 e. Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay - \$25,000.00 f. S.M.V. (M) Sdn. Bhd. - \$20,000.00 g. Matad Sdn. Bhd. - \$20,000.00 h. Petronas - \$20,000.00 i. Sapura Holdings - \$20,000.00 j. Mitsui and Co. Ltd. - \$20,000.00

10. Sebagai suatu usaha membantu persatuan-persatuan kebajikan yang lain, BAKTI telah menerima 250 buah buku kartun berjudul "Guli-Guli" sumbangan ikhlas daripada pihak MAS untuk dijual. Hasil jualan ini akan disumbangkan kepada empat buah persatuan iaitu: i. Persatuan Bekas Perajurit Malaysia ii. Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Selangor/Wilayah Persekutuan iii. Persatuan Bekas Polis Malaysia iv. Pusat Pertolongan Wanita (Women's Aid Organisation)

11. Guli-Guli Jilid II dalam Bahasa Inggeris ini adalah sumbangan akhir Yang Berbahagia Dato Lim Kok Wing kepada orang ramai. Edisi ini tidak akan dicetak lagi. Oleh itu, BAKTI merayu kepada para hadirin dan orang ramai merebut "Collectors Item" ini segera dengan bayaran minima \$1,000/- senaskah. Bagi setiap buku yang dijual, faedahnya akan diterima oleh empat buah persatuan tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Orang berbudi, kita berbahasa. Untuk menghiburkan tuan-tuan dan puan-puan supaya tidak terasa sangat kekosongan poket, BAKTI telahpun mengundang artis-artis tempatan mempersembahkan muzik, nyanyian, tarian, sketsa dan taridrama malam ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka dan isteri kerana sumbangan mereka mengaturkan sketsa Nyonya dan Baba untuk malam ini. Taridrama yang di koreograf khas anjuran bersama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan K.L. Theatre Group akan mempersembahkan tarian yang bertema 'Budi dan Bakti'. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan bergembira dan terhibur sebentar lagi.

13. Akhir kata, tidak sempurna ucapan saya ini sekiranya tidak disebutkan usaha dan kegigihan Jawatankuasa Projek Amal BAKTI dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecilnya. Di bawah pengerusinya Yang Berbahagia Datin Paduka Mahani Idris - Daim, Jawatankuasa- Jawatankuasa ini telah bertungkus-lumus dari bulan Mac mengatur segala persiapan yang berkaitan untuk Majlis Jamuan Amal ini. Meskipun terdapat banyak rintangan tetapi dengan adanya kerjasama semua pihak, majlis ini telah sampai kepada kemuncaknya dengan kehadiran kita semua malam ini.

14. Kepada setiap ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa itu, saya ucapkan syabas dan tahniah. Begitu juga kepada semua yang turut terlibat secara langsung ataupun tidak langsung yang membantu untuk menjayakan majlis ini.

15. Saya berharap semoga Majlis Jamuan Amal "Budi dan Bakti" pada malam ini akan mencapai kejayaannya.